

STRATEGI MEMPERKASAKAN INSTITUSI FATWA MELALUI TV: ANALISIS PENGAMALAN DI TV ALHIJRAH

*Azib Hussain**

*Mohd Kamil Ahmad (PhD)***

*Mohd Zulkifli Muhammad (PhD)****

ABSTRAK

Institusi fatwa merupakan platform rasmi yang mengawal selia segala persoalan hukum dan memastikan keberkesannya dalam menjaga kesucian agama dan penghayatannya di kalangan masyarakat. Manakala saluran TV pula berperanan untuk menyebarkan maklumat yang bersangkutan dengan fatwa kepada khalayak umum. Oleh itu medium TV boleh digunakan sebagai satu cara untuk memperkasakan institusi fatwa. Justeru kajian ini akan membincangkan strategi memperkasakan institusi fatwa berdasarkan pengamalan yang pernah dilaksanakan di TV AlHijrah. Kajian ini berbentuk kualitatif deskriptif menggunakan metode dokumentasi dan temu bual bertulis tanpa bersemuka. Proses analisis data pula menggunakan metode induktif, deduktif dan analisis kandungan. Dapatan kajian mendapati strategi memperkasakan institusi fatwa melalui TV amat berkesan dalam memupuk

* Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan. Email: azibhussain83@gmail.com.

** Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan. Email: mohdkamil@umk.edu.my.

*** Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Universiti Malaysia Kelantan. Email: zulkifli.m@umk.edu.my.

kesedaran dan kepatuhan terhadap fatwa khususnya dalam menghormati institusi fatwa sebagai badan berautoriti yang mengeluarkan pandangan hukum.

Kata Kunci: Strategi memperkasakan institusi fatwa, analisis pengamalan, TV AlHijrah, media

PENGENALAN

Institusi fatwa adalah institusi yang matang, kerana keberadaannya telah wujud dalam tempoh yang cukup lama iaitu sejak sebelum kedatangan British lagi. Pada ketika itu, ia dizahirkan secara tidak langsung melalui peranan ulama, kadi atau mufti di setiap negeri. Mereka bertanggungjawab sebagai penasihat kepada Raja-raja Melayu (Zaini Nasohah 1998).

Antara beberapa orang tokoh ulama, kadi atau mufti terkemuka yang pernah terkenal sepanjang sejarah adalah seperti Tok Ku Paloh, Tok Sheikh Duyong dan Mufti Syed Yusuf al-Zawawi di Terengganu, Dato Maharaja Lela Pandak Lam di Perak, Qadi Yusuf di Melaka (Aladin Mamat dan Azrina Jonit 2019), Dato' Syed Salim bin Abdullah al-Attas serta Dato' Abdullah bin Musa di Johor (Noorilham Ismail dan Muhamad Hasrul Zakariah 2017) dan Tok Kenali di Kelantan.

Tugas mereka cukup luas, seperti memberikan penerangan mengenai perihal hukum-hakam sama ada dalam bentuk pengajaran, pelaksanaan keadilan atau mengetuai upacara rasmi agama (Auni Abdullah 2005). Bidang kerja mereka meliputi aspek pentadbiran, keagamaan dan kehakiman (Shamrahayu 2015; Mohd Hisham 2009).

Penubuhan institusi fatwa termaktub dalam Undang-undang Tubuh Negeri (Zaini Nasohah 1998). Ia pernah diletakkan di bawah Jabatan atau Majlis Agama Islam Negeri. Namun setelah melalui beberapa zaman dan era pentadbiran, akhirnya institusi fatwa

diangkat sebagai badan induk yang mempunyai autoriti sendiri serta terpisah daripada institusi kehakiman dan pentadbiran agama (Muhamad Faisal Ashaari *et. al.* 2020). Ini menjadikan ia sebuah institusi yang berwibawa, dihormati dan paling berautoriti sebagai rujukan agama.

Institusi fatwa di Malaysia sangat unik kerana terdapat 13 Jabatan Mufti di peringkat negeri. Ia berperanan mengikut bidang kuasa negeri masing-masing. Manakala di peringkat kebangsaan terdapat sebuah majlis fatwa yang bertindak sebagai penyelarasan kepada kepelbagaian fatwa negeri-negeri.

Dalam zaman ledakan maklumat yang semakin mencabar, memperkasakan institusi fatwa adalah suatu topik perbincangan yang penting. Antara medium yang boleh dikaitkan untuk memperkukuhkan institusi ini adalah melalui TV. Kajian ini akan menjelaskan strategi memperkasakan institusi fatwa melalui TV berdasarkan analisis terhadap pengamalan yang dilaksanakan di TV AlHijrah.

SOROTAN KAJIAN LITERATUR BERKAITAN PEMERKASAAN INSTITUSI FATWA

Kajian yang menyentuh institusi fatwa dan usaha pemerkasannya telah banyak dilakukan oleh para penyelidik. Tinjauan literatur mendapati kajian oleh para penyelidik terdahulu boleh dikategorikan kepada beberapa aspek seperti persejarahan institusi, penguatkuasaan, pengukuhan dan teknologi maklumat. Aspek persejarahan institusi adalah merujuk kepada kajian yang membincangkan sejarah perkembangan institusi fatwa sama ada di peringkat negeri atau peringkat pusat seperti Majlis Fatwa Kebangsaan.

Manakala aspek penguatkuasaan pula merujuk kepada kajian yang melibatkan perundangan dan pewartaan serta menjadikan

fatwa sebagai rujukan yang berautoriti di mahkamah. Aspek pengukuhan pula merujuk kepada kajian yang menyentuh kaedah-kaedah dan cadangan penambahbaikan terhadap institusi fatwa sama ada berkaitan bidang ijtihad, garis panduan pengeluaran fatwa, pentadbiran, penyelarasan fatwa atau peranan Majlis Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Seterusnya aspek teknologi maklumat pula merujuk kepada artikel yang mengkaji tentang penyaluran fatwa kepada masyarakat umum sama ada melalui e-fatwa atau media massa.

Dalam aspek persejarahan, antara kajian yang melibatkan institusi fatwa dalam perbincangan ini adalah seperti artikel Mazni Abdul Wahab (2002), tesis Zulkifli Mohamad (2004), kajian Noor Naemah Abd. Rahman (2004), Dahaman @ Dahlan *et. al.* (2014), Kamarudin Ahmad (2014) dan Zulfaqar Mamat (2019). Kebanyakan kajian mengupas isu persejarahan institusi fatwa negeri serta beberapa cadangan penambahbaikan terhadapnya.

Manakala penyelidikan yang melibatkan institusi fatwa dalam aspek penguatkuasaan adalah seperti kajian Hasnan Kasan (2001; 2006), Zulkifli Mohamad (2008), Farawahida Mohd Yusof (2011), Jasni Sulong (2016), Mohd Kamel Mat Salleh *et. al.* (2016; 2018), Alias Azhar dan Mohd Shauki Muhammad Baderuddin (2018) serta Ahmad Hidayat Buang (2018). Kebanyakan kajian mengaitkan perihal fatwa dengan perundangan seperti tindakan untuk mengekang isu ajaran sesat.

Dalam aspek pengukuhan pula, kajian terdahulu yang telah dilakukan adalah seperti tulisan Noor Naemah Abd. Rahman (2002), Hasnan Kasan (2008), Rahimin Affandi Abdul Rahim (2009), Hydzulkifli Hashim *et. al.* (2013), Muhammad Ikhlas Rosele *et. al.* (2017) dan Mahyudin Daud serta Ahmad Najib Abdullah (2020). Kebanyakan kajian mencadangkan beberapa jalan penyelesaian untuk mengatasi isu-isu pengurusan fatwa seperti kaedah ijtihad, penyelarasan fatwa dan pentadbiran.

Dalam aspek teknologi maklumat pula, kajian terdahulu masih amat sedikit. Antara penyelidikan yang telah dijalankan adalah seperti kajian Najwa Hayaati Mohd Alwi (2006). Beliau telah membincangkan mengenai kebolehfungsian website fatwa mengikut negeri di Malaysia. Kemudian kajian Muhamad Faisal *et. al.* (2020) pula menyentuh secara khusus pemeraksanaan institusi fatwa di alam maya melalui media sosial seperti facebook.

Berdasarkan sorotan literatur di atas, penulis mendapati masih terdapat ruang kelompangan yang belum disentuh oleh penyelidik terdahulu dalam kajian mereka iaitu dari aspek memperkasakan institusi fatwa melalui TV. Justeru, penulis berpandangan kajian yang dilaksanakan ini sebagai perintis dan langkah awal untuk meneroka bidang teknologi maklumat yang lebih dekat dengan masyarakat.

INSTITUSI FATWA DAN KAITANNYA DENGAN TV MELALUI PROGRAM ISLAMIK

Institusi fatwa dan masyarakat adalah dua entiti yang sangat rapat kerana fatwa itu sendiri antaranya merupakan jawapan terhadap pertanyaan hukum yang diajukan oleh masyarakat. Satu lagi entiti yang sangat rapat dengan masyarakat ialah TV. Oleh itu, TV merupakan medium yang boleh menghubungkan institusi fatwa kepada masyarakat.

TV dari satu sudut sering dimanfaatkan oleh masyarakat sebagai medium hiburan dan maklumat. Namun dari satu sudut yang lain, ia juga mampu mengubah perilaku manusia, membentuk akhlak dan pemikiran mereka (Zahrotus Sa'idah 2012; Md Rozalafri Johari *et. al.* (2015). Pendeknya, kebanyakan masyarakat awam mempunyai TV dan terdedah kepada siaran programnya setiap hari.

Dalam hal ini, TV boleh dikaitkan dan dimanfaatkan untuk memperkasakan institusi fatwa melalui penyebaran maklumat. Penyebaran maklumat yang dimaksudkan ialah mempersembahkan pandangan fatwa dan hukum melalui kandungan program Islamik.

Realitinya, kandungan program Islamik di TV sering mendapat sambutan umum dan rating tontonan yang tinggi. Kajian oleh Hazem Anwar el-Banna (2008; Zainab Muhammad 2012, 2018) terhadap penduduk Mesir misalnya mendapati program soal jawab agama seperti fatwa merupakan antara program yang paling diminati dengan peratus tontonan sebanyak 72.9%, berbanding drama dan filem iaitu sebanyak 71.8%.

Di negara kita, kandungan program Islamik di TV realitinya masih berada pada tahap yang rendah walaupun rating tontonan programnya sangat tinggi. Hal ini dapat dilihat melalui perbandingan jumlah dan peratus program Islamik selama seminggu hasil kajian Fauziah Hassan *et. al.* (2015) dan penyelidik dalam artikel ini seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 1: Jumlah dan Peratus Program Islamik di Empat Saluran TV Selama Seminggu

Genre	Agama	
	Jumlah Program	Peratus
TV1	17	6%
TV2	4	1.6%
TV3	13	5.2%
8TV	-	-
Jumlah	34	12.8%

Sumber: Fauziah Hassan *et. al.*, h. 7 & 9.

Berdasarkan jadual 1 di atas, kajian terhadap empat buah saluran TV percuma di Malaysia iaitu TV1, TV2, TV3 dan 8TV mendapati hanya terdapat 34 kali sahaja program TV bergenre

Islamik disiarkan dalam tempoh seminggu berbanding program-program lain. Peratusan nilainya sangat rendah iaitu sebanyak 12.8% sahaja.

Jadual 2: Jumlah dan Peratus Program Islamik di Tujuh Saluran TV Selama Seminggu

Genre	Agama	
	Jumlah Program	Peratus
TV1	18	9.62%
TV2	1	0.53%
TV Okey	2	1.06%
TV3	12	6.41%
8TV	0	0%
TV9	18	9.62%
TV AlHijrah	136	72.7%
Jumlah	187	100%

Sumber: Penyelidikan 2020.

Manakala kajian terkini oleh penyelidik dalam jadual 2 di atas terhadap tujuh saluran TV percuma selama seminggu mendapati TV AlHijrah mendominasi penyiaran program bergenre Islamik dengan peratusan nilai yang sangat tinggi iaitu sebanyak 72.7% berbanding saluran TV-TV lain.

Merujuk kepada perkara ini, TV AlHijrah boleh dianggap sebagai pelopor kepada saluran TV yang memenuhi permintaan masyarakat melalui penyiaran kandungan program Islamik secara konsisten. Hal ini selaras dengan objektif penubuhannya sebagai peneraju kepada TV yang memenuhi piawaian patuh syariah pertama di Malaysia (Mazni Buyong dan Rizalawati Ismail 2011; Abdul Azib Husaain 2017).

Di samping itu, justifikasi pemilihan TV AlHijrah sebagai prospek kajian untuk memperkasakan institusi fatwa adalah kerana agensi ini mempunyai kaitan yang sama dengan institusi fatwa dari

sudut fungsi iaitu berperanan menyampaikan ilmu agama dan dakwah kepada masyarakat. Di peringkat persekutuan pula, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan dan TV AlHijrah merupakan antara agensi yang berada di bawah seliaan Menteri Agama di Jabatan Perdana Menteri bersama sepuluh agensi-agensi agama yang lain (JAKIM 2020).

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini menumpukan kepada strategi-strategi untuk memperkasakan institusi fatwa melalui TV berdasarkan pengamalan di TV AlHijrah. TV AlHijrah telah mencapai usia penubuhannya selama 10 tahun sejak ia dilancarkan secara rasmi pada 1 Muharam 1432 hijrah bersamaan 7 Disember 2010 (TV AlHijrah 2020). Kajian dalam tempoh 10 tahun ini mendapati terdapat beberapa strategi yang menyumbang kepada pemeraksanaan institusi fatwa telah dilaksanakan oleh TV AlHijrah sama ada secara langsung atau tidak. Antara strateginya adalah seperti urusan berkaitan pentadbiran dan perkongsian kepakaran.

Data-data kajian dikumpul menggunakan metode dokumentasi dan temu bual secara bertulis tanpa bersemuka membabitkan beberapa responden yang pernah dan sedang berkhidmat secara langsung di TV AlHijrah. Metode ini dipilih kerana sesuai dengan keadaan semasa di mana Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor masih dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) sehingga 27 Oktober 2020. Oleh itu, kebanyakan pekerja digalakkan untuk menjalankan tugas dari rumah (*work from home*) selama tempoh PKPB berlangsung (MITI 2020). Seterusnya proses analisis data dilaksanakan menggunakan metode induktif, deduktif dan metode analisis kandungan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini memfokuskan perbincangan kepada strategi pemeraksanaan institusi fatwa melalui pengamalan yang dilaksanakan oleh TV AlHijrah. Ia menyentuh dua aspek utama iaitu pentadbiran dan perkongsian kepakaran.

Strategi Pertama: Aspek Pentadbiran

Pejabat pentadbiran Mufti Wilayah Persekutuan berada pada tiga lokasi iaitu di Kompleks Islam Putrajaya (ibu pejabat), Menara Pusat Islam Kuala Lumpur dan Kompleks Ujana Kewangan, Labuan (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan 2020). Pusat penyiaran TV AlHijrah pula berada di Kompleks Pusat Islam, Kuala Lumpur.

Ini bermakna, dari aspek pentadbiran yang menyentuh berkaitan fatwa, TV AlHijrah tertakluk kepada peruntukan undang-undang seperti yang termaktub dalam Akta 505 Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan 1993. Pada bahagian III, seksyen 34 (3) ada menyebut:

Apabila disiarkan dalam Warta, sesuatu fatwa hendaklah mengikat tiap-tiap orang Islam yang bermastautin di Wilayah-Wilayah Persekutuan sebagai ajaran agamanya dan hendaklah menjadi kewajipannya di sisi agama untuk mematuhi dan berpegang dengan fatwa itu melainkan jika dia dibenarkan oleh Hukum Syarak tidak mengikut fatwa itu dalam perkara-perkara amalan, kepercayaan, atau pendapat peribadi.

Oleh itu, TV AlHijrah terikat dengan keputusan fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak Wilayah Persekutuan kerana pejabat operasinya berada di bawah naungan kuasa Pejabat Mufti Wilayah.

Menyedari hal ini, strategi pemeraksanaan institusi fatwa berkait dengan aspek pentadbiran dilaksanakan oleh TV AlHijrah melalui dua pendekatan iaitu:

Pendekatan pertama: Kebenaran tauliah mengajar atau berceramah; dan

Pendekatan kedua: Kepatuhan kepada fatwa.

Bagi pendekatan pertama, TV AlHijrah akan memastikan setiap panel penceramah jemputan TV sama ada dari dalam atau luar negara dirujuk terlebih dahulu ke Pejabat Mufti Wilayah sama ada mempunyai tauliah mengajar atau tidak, sebelum dibenarkan untuk bersiaran. Bagi kes panel jemputan TV yang tidak mempunyai tauliah mengajar, mereka perlu mengajukan surat permohonan kebenaran berceramah secara bertulis ke Pejabat Mufti. Surat kebenaran berceramah yang dikeluarkan oleh pejabat mufti disebut sebagai kebenaran khas (Abdul Azib Hussain 2017).

Prosedur permohonan kebenaran khas berceramah adalah tertakluk kepada perkara-perkara berikut (Hairul Azam Ramli 2016):

- a) Mengemukakan salinan pasport atau kad pengenalan.
- b) Pemohon yang telah mempunyai data atau rekod di Pejabat Mufti, atau telah memiliki tauliah yang dikeluarkan oleh Majlis atau Jabatan Agama Islam Negeri dan diperakukan oleh Pejabat Mufti Wilayah, maka ia memadai dengan makluman sahaja.
- c) Setiap panel tertakluk kepada peraturan dan syarat-syarat kebenaran khas berceramah.
- d) Panel tidak membincangkan apa-apa isu berkaitan hukum atau fatwa di media sosial yang boleh dianggap mewakili idea pihak lawan dalam kerajaan.
- e) Panel akan ditamatkan penampilan jika telah bersiaran dan diyakini boleh mengelirukan masyarakat dengan idea yang dibawa dan dikembangkannya.

- f) Panel tidak dianggap mewakili sebahagian kelompok tertentu yang dianggap bertentangan dengan pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Manakala kebenaran khas berceramah daripada Pejabat Mufti Wilayah adalah tertakluk kepada peraturan dan syarat-syarat berikut (Pejabat Mufti Wilayah 2016):

- i. Tidak mengajar atau menyebarkan apa-apa ajaran yang bertentangan dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah;
- ii. Tidak menyentuh apa-apa perkara yang berhubungan dengan kedaulatan dan kuasa Yang di-Pertuan Agong dan mana-mana Raja sebagai Ketua agama Islam sesuatu Negeri;
- iii. Tidak menghina perkara khilafiah yang terdapat dalam empat mazhab yang muktabar dan yang tidak selaras dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah;
- iv. Tidak menyentuh isu parti politik, tidak menyentuh secara langsung hal-hal peribadi mana-mana individu dan tidak menghina mana-mana pihak berkuasa agama; dan
- v. Mematuhi apa-apa peraturan yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

Ini bagi memastikan pandangan hukum yang dikeluarkan oleh penceramah jemputan TV tidak berlawanan dengan keputusan fatwa yang dikeluarkan oleh pihak berautoriti.

Manakala bagi pendekatan kedua pula, TV AlHijrah meletakkan institusi fatwa sebagai rujukan utama berkaitan permasalahan hukum dan akidah. Antara pihak terbabit yang dirujuk secara langsung bagi sebarang permasalahan berkaitan ialah Pejabat Mufti Wilayah, fatwa Majlis Fatwa Kebangsaan dan JAKIM (Syed Ali al-Attas 2020). Hal ini adalah selari dengan Garis Panduan Penapisan Kandungan Bahan-bahan Penyiaran Berunsur Islam dalam Garis Panduan Penyiaran TV AlHijrah (2013). Ia

menyebut secara jelas keperluan untuk mematuhi fatwa dalam setiap kandungan penyiarannya. Pada perkara (vii), garis panduan penapisan ada menyebut:

- (vii) Tidak bertentangan dengan fatwa atau pendapat jumah ulama.
- (a) Fatwa bermaksud keputusan sesuatu hukum agama yang dikeluarkan secara rasmi oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal-Ehwal Agama Islam Malaysia atau pihak berkuasa fatwa negeri-negeri.

Oleh itu, bagi kes panel penceramah jemputan TV yang mengeluarkan pandangan berbeza dengan keputusan fatwa negara, maka panel tersebut akan diberhentikan daripada bersiaran di TV hingga ke suatu tempoh masa tertentu. Ini menunjukkan bahawa usaha memperkasakan institusi fatwa melalui TV sangat berkesan dalam memupuk kesedaran dan kepatuhan terhadap fatwa khususnya dalam menghormati institusi fatwa sebagai badan berautoriti yang mengeluarkan pandangan hukum.

Strategi Kedua: Aspek Perkongsian Kepakaran

TV AlHijrah berusaha menjalinkan kerjasama yang baik dengan institusi fatwa di peringkat wilayah dan negeri melalui perkongsian kepakaran dalam bidang fatwa dan hukum. Bagi maksud ini, strategi TV AlHijrah dalam memperkasakan institusi fatwa dilaksanakan melalui dua pendekatan iaitu:

Pendekatan pertama: Program soal jawab hukum.

Pendekatan kedua: Panel Jawatankuasa Penasihat Pematuhan Syariah.

Bagi pendekatan pertama dalam strategi perkongsian kepakaran, TV AlHijrah telah mengadakan program-program yang

mengetengahkan para mufti melalui rancangan soal jawab hukum. Antara rancangan yang pernah dilaksanakan adalah seperti *Bayan Linnas* dan *Cofee With Mufti* (Syed Ali al-Attas 2020).

Rancangan *Bayan Linnas* mendapat sambutan yang baik dan termasuk daripada program yang mendapat rating tertinggi di TV AlHijrah. Ini ditunjukkan seperti dalam jadual 3 di bawah:

Jadual 3: Rating Program Tertinggi di TV AlHijrah

No.	Tajuk	000s
1	Malaysia #Qurantime	366
2	Panggilan Agung	361
3	E-Kaunter Netizen	264
4	Berita AlHijrah	233
5	Geran	227
6	Cinta Suami Isteri	213
7	<i>Bayan Linnas</i>	207
8	<i>Al-Qariah</i>	197
9	Masjid ke Masjid	188
10	Cendiakawan Islam	186

Sumber: TV AlHijrah 2020.

Berdasarkan jadual 3 di atas, program *Bayan Linnas* mendapat sambutan sebanyak 207 ribu tontonan iaitu berada pada tangga ke-7 daripada 10 program teratas di TV AlHijrah. Ini merupakan suatu ukuran yang baik bagi sebuah program agama yang melibatkan institusi fatwa dan mufti. Secara tidak langsung ia merupakan suatu promosi kepada institusi hukum yang paling berautoriti di Malaysia.

Manakala dalam strategi perkongsian kepakaran melalui pendekatan kedua, TV AlHijrah telah mewujudkan Jawatankuasa Penasihat Pematuhan Syariahnya sendiri. TV AlHijrah merupakan stesen TV Islam pertama di Malaysia (Laporan Ketua Audit Negara 2016) yang mempunyai Jawatankuasa Penasihat Pematuhan Syariah. Jawatankuasa Penasihat Pematuhan Syariah TV AlHijrah

berperanan untuk bersidang dan memberikan pandangan berkaitan permasalahan dan isu-isu penyiaran supaya mematuhi prinsip syariah yang telah ditetapkan (Laporan Ketua Audit Negara 2016).

Pada 2017, ketua kepada jawatankuasa ini pernah dipengerusikan sendiri oleh mantan Ketua Pengarah JAKIM iaitu Tan Sri Dato' Haji Othman Mustapha. Ahli panelnya mengintegrasikan kepakaran daripada pelbagai pihak terdiri daripada mufti, pensyarah dan penggiat industri. Keberadaan mufti sebagai wakil institusi fatwa dalam jawatankuasa ini secara tidak langsung memberi impak besar terhadap dasar dan perjalanan TV AlHijrah sebagai platform penyiaran percuma yang mendidik, menghibur dan menyatukan ummah melalui penerapan unsur-unsur dakwah dan teladan menerusi kandungan rancangan yang disiarkan (Laporan Ketua Audit Negara 2016).

CABARAN DAN CADANGAN MEMPERKASAKAN INSTITUSI FATWA MELALUI TV

Bagi penggiat industri penyiaran seperti penerbit, antara cabaran yang dihadapi untuk memperkasakan institusi fatwa melalui TV ialah meneroka pendekatan baru bagi menarik jumlah tontonan yang lebih ramai terhadap rancangan yang berpaksikan fatwa dan hukum. Cabaran lain pula termasuk kaedah berkekrativiti yang berkesan dari sudut kandungan dan penerbitan supaya penonton tidak bosan dan jemu dengan program yang disiarkan. Ini juga termasuk cabaran untuk mempromosikan program secara 360° supaya sampai kepada semua pelosok dan penduduk negara (Syed Ali al-Attas 2020).

Dalam perbincangan ini, penyelidik ingin mencadangkan beberapa pendekatan bagi memperkasakan institusi fatwa melalui TV. Antara strategi yang boleh dikembangkan ialah

membangunkan pelan pemerkasaan institusi fatwa melalui kerjasama strategik dengan semua institusi penyiaran, dan ia tidak terhad dengan TV AlHijrah sahaja. Begitu juga Jawatankuasa Penasihat Pematuhan Syariah perlu dikembalikan fungsinya dan diaktifkan kembali, serta dikembangkan kepada stesen TV yang lain melalui perkongsian kepakaran. Ini kerana ia dilihat seolah-olah seperti disenyapkan dan seakan-akan tiada keperluan kerana berbasal menyekat kebebasan kreativiti penggiat industri.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan dalam tajuk kajian ini, penulis mendapati pemerkasaan institusi fatwa melalui TV jarang dibincangkan oleh para pengkaji. Namun melalui strategi yang telah diamalkan oleh TV AlHijrah, pendekatan melalui aspek pentadbiran memberi kesan besar terhadap masyarakat dari sudut kepatuhan dan penghormatan kepada institusi fatwa.

Bidang kajian seumpama itu masih boleh diterokai melalui kajian lanjutan yang lebih mendalam. Ini termasuk seperti menghasilkan gerak kerja untuk menjayakan cadangan yang telah diutarakan di atas. Pun begitu, penulis berharap semoga kebanyakan stesen TV menyedari tanggungjawab mereka untuk menghasilkan program yang sentiasa meletakkan prioriti institusi fatwa sebagai keutamaan dan rujukan dalam berkeaktiviti.

RUJUKAN

- Abdullah, Auni. 2005. *Tradisi Pemerintahan Islam dan Kolonialisme dalam Sejarah Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Darul Fikir Sdn. Bhd.
- Abdul Rahim, Rahimin Affandi. 2009. Ijtihad dalam Institusi Fatwa di Malaysia: Satu Analisis. *Jurnal Syariah*, Jil. 17, Bil. 1. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Abd. Rahman, Noor Naemah. 2004. Sejarah dan Perkembangan Institusi Fatwa di Negeri Kelantan. *Jurnal Usuluddin*, Bil. 19. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- _____. 2002. Ruang Ijtihad dalam Amalan Fatwa di Malaysia: Sorotan dari Sudut Pentadbiran Fatwa. *Jurnal Syariah*, 10:2. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Abdul Wahab, Mazni. 2002. Sejarah Penubuhan Institusi Fatwa di Negeri Selangor. *Jurnal Syariah*, 10:2. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Ahmad, Kamarudin. 2014. *Sejarah Perkembangan Institusi Fatwa di Negeri Kedah*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Al-Attas, Syed Ali. 2020. Penyelidik Kandungan dan Pematuhan Syariah, TV AlHijrah. Dalam temu bual secara bertulis dengan penulis pada 24 Oktober 2020.
- Ashaari, Muhamad Faisal *et. al.* 2020. Wacana Islam di Facebook Jabatan-jabatan Mufti Malaysia. *International Journal of Islamic Thought*. Vol. 17: 66-77.
- Azhar, A., & Muhammad Baderuddin, M. S. 2018. Prosedur Istinbat dan Pewartaan Fatwa Ajaran Sesat di Negeri Kedah: Satu Tinjauan. *Journal of Fatwa Management and Research*, 13(1), 86-99.
- Buang, A. H. 2018. Fatwa Ajaran Sesat dari Sudut Undang-Undang dan Cabaran Pembanterasannya di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 2(1), 27-47. Nilai: USIM.
- Buyong, Mazni & Ismail, Rizalawati. 2011. 'Islamic Programs in Malaysian Free-to-Air Television Channel', *International Conference on Islamic Civilization and Malay Identity*, Malacca.

- Dahaman @ Dahlan *et. al.* 2014. Sejarah Penginstitusian Fatwa di Negeri Perlis: Pentadbiran dan Metodologi Penetapan. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Daud, Mahyudin & Abdullah, Ahmad Najib. 2020. Penginstitusian Majlis Fatwa Kebangsaan dan Kaifiat Pengeluaran Hukum: Suatu Tinjauan Umum. *Jurnal al-Basirah*, Bil. 9(2). Nilam Puri: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- El-Banna, Hazem Anwar. 2008. “*Akhlakiyyat al-I’lam fi al-Fadaiyyat al-‘Arabiyyah al-Khassah Kama Yaraha ‘Ainah min al-Jumhur al-Misri*”, al-Mu’tamar al-‘Alamiy al-Duwaliy al-Rabi’ ‘Ashar. Al-I’lam Bayn al-Hurriyyah wa al-Masuliyyah. Fakulti Media, Universiti Kaherah.
- Hassan, Fauziah *et. al.* 2015. “Producing Television Programs Relevant to All Multi-Cultural Society in Malaysia”, *Global Media Journal – Malaysian Edition*, Vol. 5, Issue 1. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi: UPM.
- Hussain, Abdul Azib. 2017. Implementasi Kepatuhan Fatwa di TV AlHijrah: Kajian Evaluatif Terhadap Penapisan Kandungan. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Hydzulkifli, Hashim. 2013. Pengurusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan Jawatankuasa Fatwa Negeri: Satu Analisis Persamaan dan Perbezaan Fatwa Tahun 2000 – 2009. *International Journal of Managemnet Studies (IJMS)*, 20 (2).
- Ismail, Noorilham dan Zakariah, Muhammad Hasrul, Peranan Mufti dalam Pentadbiran Kerajaan Johor: Satu Tinjauan dalam Era Imperialisme British, 1885 – 1941, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- JAKIM. <http://www.islam.gov.my/senarai-agensi-yb-menteri-di-jpm>, diakses pada 23 Oktober 2020.
- Johari, Md Rozalafri *et. al.* 2015. ‘Syarat Penerbitan TV Patuh Syariah: Suatu Refleksi.’ *Ist National Conference on Communication Research & Exhibition*, KUIS.
- Kasan, Hasnan. 2008. *Institusi Fatwa di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.

- _____. 2006. Prosedur Mengeluar dan Menguatkuasa Fatwa di Semenanjung Malaysia. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat* 10.
- _____. 2001. Institusi Fatwa dalam Perundangan Negara: Satu Penilaian Menurut Siasah Syar'iyah. *Jurnal Pengajian Umum*, Bil. 2.
- Laporan Ketua Audit Negara. 2016. Pengurusan Syarikat Kerajaan dan Agensi Kerajaan Persekutuan. Siri 2. Jabatan Audit Negara.
- Mamat, Aladin & Jonit, Azrina. 2019. Peranan Ulama dalam Mempertahankan Tanah Melayu Ketika Zaman Penjajahan. *Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara 2019*. Hotel Grand Blue Wave Shah Alam, Selangor.
- Mamat, Zulfaqar. 2019. Sejarah Perkembangan Institusi Fatwa. Nilai: Penerbit USIM.
- Mat Salleh, Mohd Kamel. 2016. Kedudukan Fatwa dan Pendapat Mufti Sebagai Autoriti di Mahkamah Syariah Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Law*, Vol. 1(1).
- _____. *et. al.* 2018. Fatwa Sebagai Rujukan dan Autoriti di Mahkamah Sivil Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 11(1), 1-25.
- MITI. https://www.miti.gov.my/miti/resources/SOP_PKPB-_KL,PUTRAJAYA_DAN_SELANGOR-14_OKT_2020.pdf, diakses pada 23 Oktober 2020.
- Mohamad, Zulkifli. 2004. "Institusi Mufti dan Fatwa: Satu Analisa Terhadap Enakmen dan Beberapa Fatwa Pilihan Negeri Sembilan". Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- _____. 2008. "Institusi Fatwa dalam Enakmen Pentadbiran dan Perundangan Islam Negeri Sembilan". Nilai: Penerbit USIM.
- Mohd Alwi, Najwa Hayaati. 2006. Malaysian Fatwa Websites Studies. *International Conference on Information and Communication Technology on the Muslim Worlds*.
- Mohd Hisham Mohd Kamal. 2009. Office of the Mufti in Malaysia: Legal History and Constitutional Role. *Shariah Law Reports* 3: 20-43.

- Mohd Yusof, Farawahida. 2011. "Fatwa: Keberkesanannya Memerangi Ajaran Sesat di Malaysia". Johor Bahru: UTM Press.
- Muhammad, Zainab. 2018. *Fatawa al-Fadaiyyat wa Ta'thiruha 'ala Suluk al-Jamahir*. Beirut: Dar al-'Arabiyy li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- _____. 2012. *Ta'thir al-I'timad 'ala al-Fatawa al-Diniyyah al-Muqaddamah fi al-Fadaiyyah al-Arabiyyah 'ala Ma'arif wa Sulukiyyat al-Jumhur al-Misri*. Disertasi PhD, Fakulti Media, Universiti Kaherah.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, <https://muftiwp.gov.my/hubungi-kami/lokasi>, diakses pada 24 Oktober 2020.
- _____. PMWP(S)600/2/4 Klt. 3 (). Surat Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr. Hj. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri, 29 Februari 2016.
- Ramli, Hairul Azam. Mantan Ketua Unit Penapisan Kandungan, TV AlHijrah. Dalam temu bual secara bertulis dengan penulis pada 5 April 2016.
- Rosele, Muhammad Ikhlas et al. 2017. Konflik Fatwa Di Malaysia: Satu Kajian Awal. *Jurnal Fiqh*, [S.l.], v. 10, p. 31-56. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Shamrahayu A. Aziz. 2015. "Institusi Fatwa dalam Perundangan Negara". Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Sulong, Jasni. 2016. Pemeliharaan Akidah Islam: Analisis Daripada Sudut Penguatkuasaan Undang-Undang dan Fatwa di Pulau Pinang. *Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, [S.l.], v. 18, p. 1-34. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- TV AlHijrah. <https://www.TValhijrah.com/selamat-ulangtahun-ke-9-buat-TV-alhijrah/>, diakses pada 25 Oktober 2020.
- _____. 2013. 'Garis Panduan Penyiaran TV AlHijrah'. Garis Panduan Unit Penapisan Kandungan, TV AlHijrah, Pusat Islam Kuala Lumpur.
- Utusan Online.

Pemeriksaan Institusi Islam di Malaysia: Melakar Kecemerlangan Masa Hadapan

Zahrotus Sa'idah. 2012. Strategi TV 9 Surabaya dalam Membangun Citra Televisi yang Santun Menyejukan. *Disertasi Sarjana Ilmu Sosial. Fakultas Dakwah: Institut Agama Islam Negeri Sunan Ampel, Surabaya.*

Zaini Nasohah. 1998. "Perkembangan Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia Sehingga Tahun 1990-an". Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.



PERSATUAN ULAMA' MALAYSIA (PUM)
Muslim Scholars Association of Malaysia
جمعية علماء ماليزيا



INSTITUSI FILANTROFI DAN ZAKAT



• Pendidikan Awam & Swasta • Penglibatan Wanita & Kekeluargaan
• NGO Islam, Dakwah & Kebajikan • Isu-Isu Muallaf & Saudara Baru
• Masalah Ummah • Pentadbiran, Perundangan & Politik • Institusi
Kehakiman • Institusi Kefatwaan • Institusi Filantropi & Zakat •
Kewangan & Urusniaga Islam • Media & Teknologi Maklumat



Pemerkasaan Institusi Islam di Malaysia:
Melakar Kecemerlangan Masa Hadapan
@ Persatuan Ulama' Malaysia (PUM) | جمعية علماء ماليزيا
Cetakan Pertama: 2020: ISBN: 978-983-2306-43-6

Pemeriksaan Institusi Islam di Malaysia: Melakar Kecemerlangan Masa Hadapan